



**PEJABAT PENGARAH WILAYAH,  
PEJABAT LAUT WILAYAH TIMUR,  
JALAN HILIRAN,  
20300 KUALA TERENGGANU.**

Telephone : 09-6221471  
Fax : 09-6233676

---

**PEKELILING PELABUHAN BIL.( 68 ) 15/69 Jld. 2**

**DARIPADA** : Pengarah Laut Wilayah Timur  
**KEPADA** : Masyarakat Perkapaln  
**TARIKH** : 22 Februari 1998

**PENGOREKAN ALUR PELAYARAN DI MUARA SUNGAI TERENGGANU  
DAN PENGESAHAN TEMPAT PEMBUANGAN SISA PENGOREKAN (SPOIL)**

**BERKUATKUASA** : Dari tarikh permulaan kerja.

**KETERANGAN** : Satu operasi mendalamkan alur pelayaran di muara Sungai Terengganu akan bermula tidak beberapa lama lagi. Kerja pengorekan tersebut akan dijalankan oleh sebuah kapal korek Jabatan Laut M.V. TANJUNG KEMARONG. Kerja-kerja pengorekan tersebut akan menggunakan "Dredge Head Trailing System".

Sehubungan itu satu kawasan luar pantai (lampiran berkembar) telah dikenalpasti sebagai tempat pembuangan sisa pengorekan (spoil). Masyarakat perkapalan yang terlibat hendaklah memberi perhatian kepada kawasan tersebut agar tidak timbul sebarang perkara berbangkit.

**PERINGATAN** : Masyarakat perkapalan dinasihati supaya berhati-hati dalam urusan keluar/masuk muara dan memberikan kerjasama untuk mengelakkan sebarang risiko yang tidak diingini dengan terlebih dahulu menghubungi M.V. TANJUNG KEMARONG.

- PANGGILAN RADIO VHF CHANNEL 16
- TALIAN ATUR 011358058.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya yang menurut perintah,**

**(NOOR ARIFF BIN YUSOFF)**  
b.p. Pengarah Laut Wilayah Timur,  
Kuala Terengganu.